

25/11/1999

China minta percepat kelulusan kilang palpa

Wan Sabariah Shikh Ali

PERDANA Menteri China, Zhu Rongji berharap Kerajaan Sabah menyegerakan kelulusan cadangan pembinaan kilang palpa dan kertas membabitkan pelaburan bernilai RM3.8 bilion oleh republik itu.

Zhu berkata dalam pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, beliau memberitahu Perdana Menteri bahawa China juga sedang berunding dengan Thailand untuk projek yang sama dan akan meneruskannya jika cadangan di Sabah tidak diluluskan.

"Saya memohon maaf daripada Dr Mahathir kerana begitu berterus-terang. Saya tidak mahu jadikan Thailand sebagai alat perundingan.

"Tetapi apa yang saya ingin sampaikan ialah saya amat berharap dan ingin mendapat kelulusan," katanya pada majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Nasional (NCCIM) bagi meraikan lawatan beliau ke Malaysia, semalam.

Tambahnya, sebagai `bos' kepada syarikat milik negara China, beliau bertanggungjawab untuk memastikan cadangan projek itu menjadi kenyataan.

Selain pelaburan di Sabah, China turut berminat membuat pelaburan dalam pembinaan projek landasan kereta api dan jana kuasa elektrik.

Menjawab soalan, Zhu berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai rancangan untuk menubuhkan cawangan Bank of China di Kuala Lumpur.

Kelmarin, Bank Negara Malaysia dan Bank of China menandatangani satu memorandum persefahaman yang akan membuka laluan kepada penubuhan institusi perbankan antara kedua-dua negara.

Beliau turut diminta mengulas mengenai ramalan bahawa China akan menggantikan Amerika Syarikat sebagai kuasa besar ekonomi antara tahun 2010 hingga 2020.

"Nujum manakah yang memberitahu anda demikian?" Tanyanya secara berseloroh kepada jemputan yang mengemukakan soalan berkenaan.

Zhu berkata, tidak ada unjuran yang menyatakan China akan mengatasi Amerika Syarikat sama ada dari segi agregat keseluruhan atau pendapatan per kapita.

"Tetapi memang ada percubaan sesetengah pihak untuk menonjolkan kononnya mengenai kekuatan ekonomi China tetapi sebenarnya mahu mencerminkan China sebagai suatu ancaman," katanya.

Beliau menegaskan China akan kekal sebagai negara membangun walaupun sehingga tahun 2020, dan terus berusaha menjadi ahli masyarakat antarabangsa yang cintakan keamanan dan kerjasama.

(END)